

Bajet 2016 perlu menitikberatkan kos sara hidup

Fokus tambah pendapatan isi rumah

Oleh **AMIRUL AIMAN ANUAR**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 18 OKT.**

BAJET 2016 yang akan dibentangkan tidak lama lagi perlu menitikberatkan kos sara hidup serta peluang pendapatan tambahan terutama bagi isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) yang dipercayai akan menerima kesan ekoran keadaan ekonomi yang mencabar.

Pensyarah Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Dr. Amir Hussin Baharuddin berkata, pelbagai peluang serta bantuan tambahan perlu disuntik segera bagi mengurangkan bebanan golongan B40 terutamanya mereka yang menetap dan bekerja di bandar.

Katanya, kuasa beli mereka perlu ditingkatkan dan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) secara langsung sebelum ini terbukti mampu meringankan dan meningkatkan perbelanjaan golongan sasaran tersebut.


“Kerajaan harus melihat keadaan ekonomi yang mencabar ini tanpa

meminggir dan menindas golongan B40 serta memperkayakan yang kaya bukan lagi keutamaan, justeru upah minimum perlu dinaikkan sejajar dengan kos sara hidup sekarang.

“Penyediaan latihan vokasional juga mampu memberi nilai tambah kepada individu. Sebagai contoh pendidikan kepada penaja mampu meningkatkan pendapatan melalui inovasi dan kreativiti dalam aspek penyediaan makanan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Beliau mengulas beberapa langkah yang akan dilaksanakan kerajaan dalam pembentangan Bajet 2016 bagi mendepani keadaan ekonomi global yang amat mencabar dengan golongan B40 menjadi keutamaan.

Mengulas lanjut, Amir Husin berkata, bentuk bantuan yang akan diumumkan kelak harus memfokuskan juga keperluan golongan miskin bandar yang menghadapi tekanan



AMIR HUSSIN BAHARUDDIN

hidup lebih mencabar ekoran peningkatan kos pelbagai barangan dan perkhidmatan asas di ibu negara.

Sementara itu, penganalisis ekonomi dari Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Dr. Hasnah Haron berpendapat, kerajaan harus mengkaji semula pemberian BR1M yang didapati tidak memenuhi beberapa kriteria yang

menepati golongan sasaran.

Katanya, bentuk bantuan dengan menyediakan fasiliti pendidikan dan kesihatan dilihat lebih efektif dalam membantu golongan B40 kerana perkara asas demikian mampu meningkatkan taraf hidup mereka.

“Peluang bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk berkembang juga perlu dimudahcarakan oleh kerajaan dan industri bagi memberi peluang kepada produk tempatan menembusi pasaran di pasar raya besar,” katanya.